



**MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**  
**JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

**KENYATAAN TAWARAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** ( Penyewaan Dan Pengurusan Ruang Niaga ) Kod **221506** dan tajuk masih sah serta dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja perkhidmatan berikut :-

1	MBKT SH14/2022	Perkhidmatan Mengurus Bazar Ramadan Di Tempat Letak Kereta Shahbandar (TLK) Hadapan Skrin Besar, Kuala Terengganu Bagi Tahun 2022@1443H.	Taklimat : 20 Februari 2022 ( Ahad ) * Diwajibkan Jam : 10.30 pagi Tempat : Kelab Eksklusif, Batu Buruk.
2	MBKT SH15/2022	Perkhidmatan Mengurus Bazar Ramadan Di Tempat Letak Kereta Shahbandar (TLK) Hadapan Restoran Perahu/Mara, Kuala Terengganu Bagi Tahun 2022@1443H.	
3	MBKT SH16/2022	Perkhidmatan Mengurus Karnival Jualan Ramadan Di Dataran Shahbandar , Kuala Terengganu Bagi Tahun 2022@1443H.	
4	MBKT SH17/2022	Perkhidmatan Mengurus Karnival Jualan Ramadan Kawasan Stesen Teksi Tanjung , Kuala Terengganu Bagi Tahun 2022@1443H.	

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Jabatan Kesihatan Persekitaran Tingkat 6**, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan harga **RM 20/= senaskah**. Untuk maksud ini Penyebutharga hendaklah membawa bersama-sama Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan **salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa membeli **Dokumen Sebutharga**.
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja (Perkhidmatan) dalam bidang berkaitan hendaklah dikembalikan bersama sebutharga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA**  
**KUALA TERENGGANU.**

dengan menulis disebelah luar “ **No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH. 14/2022** ” dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan , Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada **2 Mac 2022 (Rabu)**.

3. **Taklimat** adalah **diwajibkan** sebagaimana tarikh dan masa yang tercatat di atas. Penyebutharga dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia. Hanya **penama-penama** yang tercatat pada **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** sahaja **dibenarkan** untuk hadir dan daftar kehadiran. Penyebutharga atau syarikat yang tidak hadir pada sesi taklimat tidak layak mendapat atau membeli dokumen sebutharga ini.
4. Sebutharga ini akan dijual mulai **22 Februari 2022 (Selasa)** hingga **28 Februari 2022 (Isnin)** pada waktu pejabat sahaja.
5. Majlis adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi sekali ataupun mana-mana tawaran.
6. Penyebutharga atau syarikat yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja perkhidmatan ini selepas sebutharga disetujui atau menarik balik sebutharga selepas keputusan dibuat maka lesen Penyebutharga atau syarikat akan disyorkan untuk disenarai hitamkan kepada pihak berwajib.
7. Penyebutharga atau syarikat hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dengan mematuhi **Standard Operation Prosedure** yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**t.t**

**( HAJI ROZALI BIN SALLEH )**

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.